

05 FEB 1997

PM HADIRI MESYUARAT MENGENAI GEJALA SOSIAL

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menghadiri perjumpaan khas dengan pihak berkuasa agama dari seluruh negara berhubung masalah sosial di kalangan remaja Islam di Pusat Islam di sini.

Mereka berdua diberi taklimat oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Zainul Ariff Hussain mengenai isu sosial yang berlaku sekarang.

Yang turut hadir ialah pegawai-pegawai unit agama negeri, pengetua sekolah-sekolah di Lembah Klang, institusi pengajian tinggi serta agensi kerajaan seperti KEMAS. -- BERNAMA

RA OBA